

11 AUG 1999

Azhar-kronologi

AZHAR CATATKAN REKOD DUNIA DENGAN KELILINGI DUNIA

Oleh: Nor Hammad Wariman

LANGKAWI, 11 Ogos (Bernama) -- Selepas lebih enam bulan berhempas pulas melawan cabaran arus dan lautan luas, pelayar Datuk Azhar Mansor akhirnya mencatatkan rekod dunia untuk menjadi rakyat Malaysia pertama mengelilingi dunia secara solo.

Tiga tahun lepas, pelayar kelahiran Kangar itu muncul dengan idea untuk mengemudi kapal layar mengelilingi dunia di laluan baru Timur-Barat-Timur tetapi amat sukar baginya mendapatkan pembiayaan sepenuhnya projek itu.

Penaja ramai tetapi kurang yakin dengan kemampuannya dan setiap usaha untuk mendapatkan pembiayaan bagi projek itu telah ditolak.

Tetapi Azhar tidak berputus asa dan dua tahun lepas, cadangannya itu dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang begitu kagum dengan hasrat pelayar itu.

Dr Mahathir memberikan restu beliau dan bersetuju untuk menjadi penaung projek Cabaran Jalur Gemilang '99.

Azhar kemudian berlepas ke Sydney, Australia pada akhir Ogos 1998 untuk menerima kapal layar bernilai RM2 juta itu dan belayar di lautan luas serta mencatatkan pelayaran lebih 5,000 batu nautika sebelum tiba di Pelabuhan Klang pada 25 Okt, 1998.

Berikut adalah kronologi pelayaran Azhar:

2 Feb - Dr Mahathir melepaskan pelayaran Azhar mengelilingi dunia secara solo di Awana Porto Malai.

4 Feb - Menghampiri Sumatera. Belayar sejauh 276 batu nautika.

5 Feb - Melakukan lencongan pertama, melencong ke pantai barat Sumatera dan menuju ke Australia.

8 Feb - Melepasi Khatulistiwa.

9 Feb - Menghadapi halangan pertama apabila satu daripada tiga layar tiga segi jatuh dari kapal dan terpaksa dilepaskan. Pelayaran melepasi 1,006 batu nautika.

11 Feb - Menyambut ulangtahunnya ke-41 di perairan berhampiran Sumatera.

12 Feb - Belayar di antara Kepulauan Christmas dan Kepulauan Cocos di Lautan Hindi.

13 Feb - Laut bergelora - tidak dapat menghantar e-mel harian - melepasi kedua-dua pulau itu. Semakin menghampiri lencongan berikut ke Tanjung Leeuwin.

14 Feb - Merasa bosan di laut. Mendengar muzik. Belayar sejauh 1,702 batu nautika.

15 Feb - Belayar sejauh 1,859 batu nautika, 1,300 batu nautika lagi untuk tiba di Tanjung Leeuwin.

16 Feb - Menerima panggilan kecemasan dari kapal layar Pasifik Selatan. Belayar sejauh 1,992 batu nautika.

17 Feb - Memanjat tiang setinggi 21 meter untuk memeriksa pasung yang rosak. Belayar sejauh 2,140 batu nautika.

18 Feb - Belayar sepanjang pantai Barat Australia untuk mengelakkan arus lautan utara.

19 Feb - Melakukan kerja-kerja penyenggaraan rutin.

20 Feb - Bimbang "gunung-gunung" di dasar laut. Malam yang bergelora.

25 Feb - Mengadakan perhubungan radio dengan kapal yang menuju ke Australia. Belayar sejauh 2,865 batu nautika.

26 Feb - Belayar sejauh 3,097 batu nautika.
3 Mac - Melepassi Tanjung Leeuwin. Memasuki Laut Selatan yang bergelora.
4 Mac - Menghadapi angin kencang. Belayar sejauh 4,019 batu nautika.
5 Mac - Laut bergelora memaksa Azhar mengemudi sendiri kapal.
6 Mac - Menghadapi angin kencang.
7 Mac - 10 ekor ikan paus sperm mengiringi Jalur Gemilang. Belayar sejauh 4,705 batu nautika.
8 Mac - Tiba di Selatan Australia.
10 Mac - Menghabiskan sebahagian masa membersihkan kapal. Berada kira-kira 1,000 batu nautika dari Kepulauan Snares.
14 Mac - Melepassi Tanjung Tenggara, Tasmania. Belayar sejauh 5,535 batu nautika.
18 Mac - Masalah bateri dalam Jalur Gemilang. Ini memaksa Azhar untuk menjimatkan penggunaan bekalan tenaga. Belayar sejauh 6,293 batu nautika.
19 Mac - Melepassi Kepulauan Snares. Menuju ke Tanjung Horn.
20 Mac - Memasang alat pemanas kabin berikutan suhu sejuk. Belayar sejauh 6,723 batu nautika.
23 Mac - Melepassi Garisan Tarikh Antarabangsa pada kira-kira 2.30 pagi waktu Malaysia.
24 Mac - Menamatkan satu pertiga pelayaran selepas mencatatkan lebih 7,200 batu nautika.
28 Mac - Menyambut Hari Raya Aidil Adha di laut.
29 Mac - Tidak dapat menggunakan penjana angin.
30 Mac - Jalur Gemilang hampir karam akibat tiupan angin kencang selaju 65 knot.
6 April - Bergantung kepada radar untuk melepasi kabut tebal. Belayar sejauh 9,622 batu nautika.
7 April - Mengutus ucapan doa agar Dr Mahathir, yang dirawat di hospital kerana menghadapi infeksi paru-paru, cepat sembuh. Belayar sejauh 9,872 batu nautika.
8 April - Belayar sejauh 10,072 batu nautika.
9 April - Menghampiri Tanjung Horn.
12 April - Tiang Jalur Gemilang patah semasa cuaca buruk.
16 April - World Sailing Speed Record Council mengklasifikasikan percubaan Azhar sebagai "Percubaan Solo mengeliling dunia, Dibantu (berhenti-henti), menghala ke Timur".
18 April - Azhar menjadi rakyat Malaysia yang pertama melepasi Tanjung Horn.
19 April - Azhar dianugerahkan "Darjah Paduka Putra Jamalullail" yang membawa gelaran "Datuk".
22 April - Persidangan berita pertama oleh Azhar menerusi Iridium Satellite Handphone, 208 batu nautika dari tempat berhenti yang ditetapkan di Falklands.
23 April - Kejayaan Azhar dicatatkan dalam Malaysia Book of Records.
25 April - Azhar tiba di Pelabuhan Stanley, ibu negara Kepulauan Falkland, dan menerima sambutan mesra daripada masyarakat Falkland.
28 April - Azhar dapa liputan berita baik di Kepulauan Falkland.
Mei - Azhar perlukan bantuan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) untuk menghantar tiang layarnya.
4 Mei - Pesawat TUDM akan menghantar tiang layar ganti untuk Jalur Gemilang.
6 Mei - Kerja-kerja pembaikan Jalur Gemilang bermula.
11 Mei - Penghantaran tiang layar Jalur Gemilang menarik perhatian media Tahiti.
12 Mei - Tiang layar baru untuk Jalur Gemilang tiba di Kepulauan Falkland.
15 Mei - Pemasangan tiang layar baru dimulakan hari ini.

21 Mei - Azhar terkejut dengan berita kumpulan rakyat Malaysia, yang menghantar tiang layar baru kepadanya, terkandas.

26 Mei - Azhar menyambung pelayarannya menuju ke Langkawi.

26 Mei - Dr Mahathir memuji krew TUDM di atas kejayaan misi ke Kepulauan Falkland.

6 Jun - Terpaksa mengawasi keadaan berikutan kerosakan radar Jalur Gemilang.

7 Jun - Melepassi Rio de Janeiro.

8 Jun - Melalui Vitorio-Trindade di perairan Brazil.

10 Jun - Menemui beberapa ekor ikan jerung di perairan Brazil.

13 Jun - Azhar melepasi Fernando de Noronha.

14 Jun - Menuju ke Afrika Selatan.

16 Jun - Melaporkan cuaca panas semasa menghala ke Tanjung Harapan.

18 Jun - Azhar meluangkan masa menghasilkan air bersih.

27 Jun - Membaiki stering Jalur Gemilang.

28 Jun - Memasuki kawasan sejuk.

29 Jun - Menerima laporan amaran mengenai angin taufan.

2 Julai - Melepassi Greenwich Meridien.

5 Julai - Laut bergelora memaksa Azhar memandu kapal layarnya.

9 Julai - Azhar melepasi hala laluan terakhirnya, Tanjung Pengharapan.

13 Julai - Terpaksa berhadapan dengan angin taufan semasa menuju ke Lautan Hindi.

15 Julai - Azhar memuji Jabatan Perkhidmatan Kaji Cuaca kerana memberinya laporan cuaca harian.

18 Julai - Rindukan tanahair.

20 Julai - Azhar berharap tiba di tanahair pada minggu pertama Ogos.

25 Julai - Melepassi bahagian timur Pulau Rodriguez di Mauritius.

26 Julai - Menerima laporan mengenai kapal karam di Tanjung Pengharapan.

30 Julai - Azhar mencatatkan pelayaran paling laju.

31 Julai - Pelayaran agak perlahan kerana tidak dapat gunakan layar utama.

2 Ogos - Aturcara sambutan untuk Jalur Gemilang disediakan.

5 Ogos - Azhar melepasi Equator.

6 Ogos - Ketibaan Azhar dijadual semula ke Rabu.

9 Ogos - Azhar melepasi Sabang di utara Sumatera, peringkat laluan terakhirnya.

11 Ogos - Hari bersejarah bagi Malaysia kerana Azhar berjaya melepasi garisan penamat antara kawasan pantai Jeti Star Cruise dan Pulau Intan Besar untuk menjadi orang pertama mengelilingi dunia di laluan baru Timur-Barat-Timur dan rakyat pertama Malaysia belayar secara solo mengelilingi dunia.

-- BERNAMA

NH NAK